

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Sukan
Sent: Thursday, July 26, 2018 4:49 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Mohamad Zaki bin Ahmad
Subject: 2 Emas, 1 Perak Dan 3 Gangsa Di Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2018



26 JULAI 2018 / 13 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

2 PINGAT EMAS, 1 PINGAT PERAK DAN 3 PINGAT GANGSA DI KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1, 2018



PSUKAN ONLINE : Kontinjen Universiti Utara Malaysia (UUM) menduduki tangga kelima keseluruhan dengan dua pingat emas, satu pingat perak dan tiga pingat gangsa di Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2018 baru-baru ini bertempat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kelantan.

Dua pingat emas diraih menerusi acara silat olahraga, seterusnya pingat perak menerusi acara taekwondo manakala pingat gangsa masing-masing menerusi acara silat olahraga dan taekwondo.

Bagi acara silat, pada aksi final yang berlangsung di Dewan Keusahawanan UMK, Kampus Kota, Kelantan, Mohd Faiz Bin Mohd Zuki meraih pingat emas dalam kategori kelas A Putra selepas berjaya menewaskan pesilat dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan kemenangan 5-0.

Sementara itu, pingat emas kedua telah disumbangkan menerusi Muhammad Faqih Bin Che Lah dalam kategori kelas H Putra apabila berjaya menewaskan pesilat dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kemenangan 5-0.

Manakala pingat perak telah disumbangkan menerusi Wong Yi Qin dalam acara taekwando kategori feather lelaki.

Tiga pingat gangsa pula masing-masing disumbangkan menerusi acara taekwando dan dua pingat menerusi silat olahraga.

UUM menghantar empat acara sukan daripada tujuh acara yang dipertandingkan pada kejohanan kali ini iaitu silat olahraga, taekwando, bola jaring dan bola keranjang wanita 3 on 3.

Lain-lain keputusan bagi acara bola keranjang wanita dan bola jaring masing-masing tewas di pusingan ke-2.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Sukan Dr. Mohammad Zaki Bin Ahmad mengucapkan tahniah kepada atlet UUM di atas kejayaan yang diperolehi pada kali ini.

Tambahnya lagi, bagi Fasa 2 yang akan berlangsung di UPM pada 28 Julai hingga 5 Ogos ini, UUM akan menghantar dua acara iaitu bola tampar lelaki dan karatedo (L/W).

Adalah menjadi harapan agar Karnival Sukan MASUM Fasa 2, 2018 atlet UUM akan terus menyumbang pingat buat UUM, katanya lagi.

Habis.

=====

DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.